

21 JAN 2000

KOREA SELATAN-PEMULIHAN/I

PERSAMAAN DALAM PEMULIHAN OLEH M'SIA DAN KOREA SELATAN

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Meskipun terdapat perbezaan pendekatan yang dilaksanakan Malaysia dan Korea Selatan dalam menangani krisis kewangan, namun persamaan wujud dalam usaha masing-masing menuju ke arah pemulihan, lebih-lebih lagi diterajui oleh keazaman pemimpin masing-masing dan komitmen rakyat.

Kedua-dua pendekatan, yang satu diterajui oleh reformasi dan rancangan penyelamat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan yang satu lagi oleh langkah-langkah peningkatan ekonomi yang bukan ditentukan oleh IMF, kini berjalan lancar, kata Duta Korea Selatan ke Malaysia Lee Byoung-Ho.

"Hari ini, gaya tersendiri kedua-dua pemimpin kita (Presiden Kim Dae-Jung dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dalam mengurus dasar-dasar ekonomi sudah terkenal di serata dunia," katanya semasa ceramah khas mengenai Keselamatan & Cabaran Ekonomi: Tindak Balas Dasar Korea Selatan yang diadakan di Universiti Malaya di sini hari ini.

Lee berkata Korea Selatan dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka tahun ini berbanding 9.0 peratus pada 1999 dan penguncupan enam peratus pada 1998.

Merujuk pada tempoh ketika krisis ekonomi sedang memuncak, katanya hutang luar Korea Selatan telah mencecah AS\$150 bilion, dan daripada jumlah tersebut 40 peratus adalah hutang jangka pendek dengan tempoh kematangan satu tahun.

Di samping itu, lebih daripada AS\$2 bilion keluar dari pasaran modal Korea Selatan setiap hari, sehingga rizab asingnya berkurangan dengan begitu ketara sekali dan negara itu terpaksa mendapatkan bantuan IMF.

Hari ini rizab asingnya berjumlah AS\$75.6 bilion berbanding AS\$3 bilion pada Dis 1997 manakala kadar pengangguran pulih kepada 4.4 peratus berbanding 8.6 peratus semasa krisis itu melanda.

Katanya, Korea Selatan juga telah memutuskan tidak menarik balik baki AS\$1.5 bilion daripada jumlah AS\$7.5 bilion yang dijanjikan IMF di bawah kemudahan rizab tambahannya yang menandakan Korea Selatan telah sampai pada penghujung program IMF.

Pakej IMF bagi Korea Selatan berjumlah AS\$58 bilion.

Lee berkata Korea Selatan sedang menuju ke arah pemulihan. Reformasi dan penyusunan semula sedang berlaku pada segenap lapisan masyarakatnya. Program-program reformasi dalam sektor perbankan, korporat, buruh dan awam telah dilaksanakan dan kini membuahkan hasilnya.

Keadaan ekonomi Korea Selatan sedang mengalami perubahan asas, dengan merubah tumpuannya dari industri pembuatan kepada industri teknologi maklumat (IT).

Menyentuh perhubungan negara itu dengan Malaysia, Lee berkata hubungan dagangan dua hala tahun ini dijangka melebihi yang dicatatkan pada tahun 1997. Pada tahun tersebut jumlah dagangan antara kedua-dua buah negara itu mencapai rekod AS\$7.6 bilion sebelum merosot kepada AS\$5.8 bilion pada 1998 dan AS\$6.4 bilion bagi tempoh 11 bulan 1999.

Eksport Korea Selatan ke Malaysia berkembang pada kadar lima peratus manakala eksport Malaysia ke Korea Selatan meningkat 41 peratus.

Bagi Korea Selatan, Malaysia merupakan rakan perdagangan ke lapan terbesar manakala Korea Selatan pula merupakan rakan perdagangan ke lima terbesar bagi Malaysia.

Beliau juga berkata pelaburan Korea Selatan di Malaysia telah terjejas akibat krisis ekonomi tetapi lebih banyak pelaburan baru akan mengalir

masuk ke Malaysia dengan pemulihan ekonomi itu.

-- BERNAMA

SHO MA